

Bil. S 81

**AKTA LALU LINTAS JALAN RAYA
(PENGGAL 68)**

**ATURAN-ATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA
(KOMPOSISI KESALAHAN), 2016**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan yang boleh dikompaun
3. Borang
4. Cara pembayaran
5. Kesan pembayaran
6. Pengeluaran saman
7. Pemansuhan S 55/1967

JADUAL – KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

**AKTA LALU LINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**ATURAN-ATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA
(KOMPOSISI KESALAHAN), 2016**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 91 dari Akta Lalu Lintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016 dan dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2014.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual boleh dikompaun oleh Pesuruhjaya Polis atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, atau Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu menurut bab 91(1).

Borang

3. Tawaran untuk mengkompaun hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya Polis atau Pengarah.

Cara pembayaran

4. (1) Apabila tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan dibuat dan diterima, pembayarannya hendaklah dibuat dalam masa 14 hari dari tarikh tawaran untuk mengkompaun itu dibuat —

(a) dengan wang tunai kepada Pesuruhjaya Polis, Pengarah atau pegawai polis atau orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran untuk mengkompaun itu menurut aturan 2, mengikut mana yang berkenaan, di tempat di mana tawaran untuk mengkompaun itu dibuat atau di pejabat atau ibu pejabat polis di Daerah Polis yang berkenaan yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun itu dan dia hendaklah memasuk kiranya dengan cara biasa dan mengeluarkan resit bagi pembayaran tersebut kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; atau

(b) melalui suatu sistem pemindahan wang elektronik yang dengannya pembayaran boleh dibuat dengan mengarahkan pemindahan wang secara elektronik daripada akaun bank pembayar kepada suatu akaun bank yang

ditetapkan oleh Pesuruhjaya Polis atau Pengarah, yang akan memasuk kirakan pembayaran itu.

(2) Pesuruhjaya Polis atau Pengarah boleh menetapkan beberapa sistem pemindahan wang elektronik sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut untuk digunakan bagi maksud Aturan-Aturan ini.

Kesan pembayaran

5. Setelah jumlah wang tersebut dibayar bagi tawaran untuk mengkompaun itu, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan.

Pengeluaran saman

6. Mana-mana orang yang —

(a) gagal hadir di pejabat atau ibu pejabat polis di Daerah Polis yang berkenaan yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun itu;

(b) gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang disebut dalam aturan 4(1); atau

(c) memberikan apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan, hendaklah dikeluarkan dengan suatu saman.

Pemansuhan S 55/1967

7. Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Penyelesaian Kesalahan-Kesalahan), 1967 adalah dimansuhkan.

JADUAL (aturan 2)

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

<i>Jenis kesalahan am</i>	<i>Peruntukan yang mewujudkan kesalahan</i>
1. Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Penggalt 68)	
Kenderaan bermotor hendaklah dilesenkan	8(1)
Memandu tanpa lesen memandu	16
Mengemukakan lesen kepada pegawai polis	23

JADUAL (Sambungan)

Melebihi had laju yang dikenakan di atas jalan raya atau pada kenderaan sehingga 30 km/j	24
Melebihi had laju yang dikenakan di atas jalan raya atau pada kenderaan lebih daripada 30 km/j sehingga 40 km/j	24
Melebihi had laju yang dikenakan di atas jalan raya atau pada kenderaan lebih daripada 40 km/j sehingga 50 km/j	24
Melebihi had laju kenderaan lebih daripada 50 km/j sehingga 60 km/j	24
Melebihi had laju kenderaan lebih daripada 60 km/j	24
Gagal menyerahkan lesen memandu kepada pegawai melesen	26A(3)
Menggunakan telefon bimbit semasa memandu	29A
Kegagalan pemandu kenderaan untuk memberi bantuan kepada orang yang tercedera	31
Gagal berhenti sekiranya berlaku kemalangan	33(1)
Bergantung pada atau menaiki kenderaan bermotor yang sedang bergerak	35
Memandu kenderaan tanpa izin	36(2)
Kesalahan berhubung dengan kenderaan bermotor yang tidak bergerak	37
Mengabaikan arahan lalu lintas	39(1)
Kenderaan perkhidmatan awam yang tidak berlesen	56
Kenderaan perkhidmatan awam membawa penumpang lebih daripada yang dibenarkan	72(3)
Kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan berat tanpa sijil kelayakan	76(1)

JADUAL (Sambungan)

Gagal mematuhi perintah Pesuruhjaya Polis dan arahan pegawai polis	78A
Gagal mengemukakan lesen dll. apabila diminta	82
2. Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Arahan Had Laju) (Jadual Pertama kepada Akta Lalu Lintas Jalan Raya)	
Arahan had laju tidak dicetak pada plat dan tidak dipasang di sudut atas belakang kenderaan	3
3. Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Rg 1 Penggal 68)	
Kenderaan tidak mematuhi peraturan-peraturan tentang pembinaan dll.	3
Kenderaan bermotor dan treler tidak dilengkapi dengan spring kecuali dalam hal tertentu	11
Cermin depan	18
Pengelap cermin depan	19
Penyenyap	21
Sayap dan madgad	23
Reflektor belakang	24
Kenderaan hendaklah dijaga dalam keadaan baik dll.	26
Muatan hendaklah ditutup rapat	27
Kenderaan hendaklah digunakan bagi tujuan yang sesuai sahaja	28
Muatan mengunjur	29
Tayar dan runut kenderaan	31
Bunyi berlebihan	33
Pengeluaran asap dan bahan lain	33A
Penggunaan hon apabila kenderaan diletakkan	34

JADUAL (Sambungan)

Langkah berjaga-jaga hendak diambil apabila kenderaan bermotor ditinggalkan tanpa dijaga	36
Sekatan ke atas pengangkutan penumpang	40
Lampu hendaklah dinyalakan antara matahari terbenam dan matahari terbit	104
Larangan terhadap lampu merah ditunjukkan di hadapan	106
Larangan terhadap lampu putih ditunjukkan di belakang	107
Lampu hendaklah dipasang	108
Lampu hadapan wajib	109
Kenderaan hendaklah diletakkan di sebelah kiri jalan raya pada waktu gelap	112
Mekanisme merendahkan lampu besar	113
Garisan dan tanda lain di atas jalan kenderaan	134
Kerosakan kepada isyarat lalu lintas	146
Kenderaan hendaklah dipandu di sebelah kiri	147
Keutamaan daripada kenderaan lain	147A
Memotong	148
Meletakkan kereta	149[2]
Isyarat	150
Semasa memandu atau menjaga kenderaan, menyebabkan atau membenarkan orang dibawa di atas injak-injak atau kecuali di dalam kenderaan itu sendiri	152(a)
Semasa memandu atau menjaga kenderaan, menyebabkan atau membenarkan orang berdiri atau duduk dengan cara atau keadaan sehingga mengganggunya daripada mengawal kenderaan	152(b)

JADUAL (Sambungan)

Semasa menunggang atau menjaga motosikal, membawa lebih daripada seorang atau membawa orang lain kecuali duduk menunggang motosikal itu di atas tempat duduk yang sempurna dipasang dengan kukuh pada motosikal itu di belakang tempat duduk pemandu	152(c)
Semasa menunggang atau menjaga basikal, membawa mana-mana orang lain di atas basikal	152(d)
Semasa menunggang atau menjaga basikal, menunggang basikal kecuali, apabila duduk di atas tempat duduk basikal dengan kakinya senang diletakkan di atas tempat letak kaki atau pedal apabila pada parasnya paling bawah	152(e)
Semasa menunggang atau menjaga basikal, menunggang basikal supaya basikalnya di sisi dan di sebelah kanan basikal lain yang menuju arah yang sama, kecuali apabila memotong basikal lain itu	152(f)
Semasa memandu atau menjaga kenderaan bermotor dan menggunakan lampu depan wajibnya, apabila bertembung dengan kenderaan lain yang datang dari arah yang bertentangan, gagal mengendalikan peranti antisilau	152(g)
Memandu dll. ke dalam petak kuning	152A
Muatan maksimum yang akan dibawa dengan treler, kenderaan berat atau motokar	161
4. Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Lembaga Bandaran Pekan Brunei) (Perhentian Bas dan Teksi), 1963 (S 160/1963)	
Dilarang meletakkan kereta jika menyebabkan halangan	3
Meletakkan teksi, bas atau kenderaan barangan di tempat letak kereta yang tidak ada Notis Bandaran	4

JADUAL (Sambungan)

Kenderaan diletakkan di tempat yang ada tanda larangan meletakkan kereta	5
Tempat letak kereta	6
Tempat letak kereta yang tidak bertanda	7
Dilarang mencuci dan membaiki kenderaan di tempat letak kereta	8
5. Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Lembaga Bandaran Kuala Belait/ Seria) (Tempat Perhentian Bas dan Teksi), 1963 (S 35/1964)	
Dilarang meletakkan kereta jika menyebabkan halangan	3
Meletakkan teksi, bas atau kenderaan barangan di tempat letak kereta yang tidak ada Notis Bandaran	4
Kenderaan diletakkan di tempat yang ada tanda larangan meletakkan kereta	6
Tempat letak kereta	7
Tempat letak kereta yang tidak bertanda	8
Dilarang mencuci dan membaiki kenderaan di tempat letak kereta	9
6. Peraturan-Peraturan Motosikal (Topi Keledar), 1977 (S 42/1977)	
Gagal memakai topi keledar	4
Penjualan dll. topi yang bukan topi keledar	5
7. Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar), 1988 (S 14/1989)	
Gagal memakai tali pinggang keledar keselamatan	8(1)
8. Perintah Lalu Lintas Jalan Raya (Pungutan Tol), 2000 (S 32/2000)	
Gagal berhenti, membayar tol atau menunjukkan kupon yang sah	7(1)/b)
9. Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Lintasan Pejalan Kaki), 2002 (S 45/2002)	

JADUAL (Sambungan)

	Gagal menggunakan lintasan pejalan kaki	3(1)
	Gagal memberi keutamaan kepada pejalan kaki	5
	Gagal memandu perlahan kenderaan yang menghampiri lintasan pejalan kaki	6
10.	Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Tali Pinggang Keledar bagi Kanak-Kanak), 2004 (S 14/2004)	
	Memandu kenderaan bermotor dengan kanak-kanak tidak memakai tali pinggang keledar	4
11.	Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Kenderaan Bermotor (Alat Amaran Laju)), 2002 (S 46/2002)	
	Melaraskan, mengusik atau memecahkan materi pada, dll. alat amaran laju dll.	10(3)
12.	Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Penjaga Lintasan Sekolah), 2006 (S 32/2006)	
	Gagal menghentikan kenderaan apabila ditunjukkan tanda yang ditetapkan	8
13.	Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Basikal), 2006 (S 50/2006)	
	Basikal ditunda oleh kenderaan lain	3
	Gagal mematuhi sekatan ke atas jumlah orang yang dibawa di atas basikal	4
	Gagal memberikan isyarat	5
	Gagal membuat isyarat dalam masa yang mencukupi	6
	Perjalanan beriringan adalah dilarang	7
	Gagal menunggang basikal di sebelah kiri jalan raya	8
	Terlebih muatan di atas basikal	9
	Gagal menunggang basikal dengan tertib	10

JADUAL (Sambungan)

Basikal tidak mempunyai lampu pada waktu malam	11
Basikal tidak menunjukkan lampu yang betul	12
Gagal memakai topi keledar	13
14. Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Tanda Pengenalan), 2008 (S 73/2008)	
Tanda pengenalan tidak mematuhi Peraturan-Peraturan dll.	16

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 10 haribulan Oktober, 2016.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI MUSTAPPA BIN HAJI SIRAT,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.